



UNTUK SIARAN SEGERA

26 MEI 2022

KPJ HEALTHCARE PADA TRAJEKTORI POSITIF

Untung Selepas Cukai S1 Lonjak Sebanyak 73% Kepada RM26.4 Juta

- Catatkan hasil berjumlah RM651.0 juta, peningkatan tahunan 7% (“YoY”) terutamanya dipacu prestasi operasi lebih baik, disokong oleh peralihan kepada fasa endemik.
- Kadar Penggunaan Katil (“BOR”) meningkat kepada 47%, dengan sejumlah 812,720 pesakit pada suku pertama 2022 (“S1 TK2022”);
- Kecemerlangan operasi dan pengurusan strategik rantaian nilai telah mengukuhkan daya tahan Syarikat;
- Tumpuan kepada pemulihan perniagaan sambil meneroka peluang berdaya maju dalam dunia pasca COVID-19;
- Terus mengutamakan penjagaan pesakit dengan memanfaatkan teknologi digital bagi menyediakan penjagaan kesihatan yang berkualiti dan termampu.

KUALA LUMPUR, 26 Mei 2022 – KPJ Healthcare Berhad (“KPJ Healthcare” atau “Syarikat”), salah satu daripada penyedia perkhidmatan penjagaan kesihatan swasta yang terkemuka di rantau ini, telah mencatatkan prestasi lebih baik bagi suku pertama berakhir 31 Mac 2022.

Syarikat mencatatkan Untung Sebelum Cukai lebih tinggi berjumlah RM38.1 juta bagi suku tahun yang dilaporkan, iaitu lonjakan sebanyak 89% berbanding suku yang sama tahun lepas. Hasil meningkat kepada RM651.9 juta, 7% lebih tinggi berbanding suku yang sama tahun sebelumnya, manakala Untung Selepas Cukai melonjak 73% kepada RM26.4 juta berbanding RM15.2 juta pada suku tahun yang sama tahun lepas. Setakat pada 31 Mac 2022, lembaran imbalan KPJ Healthcare kekal kukuh dengan kedudukan tunai bersih yang positif.

Pertumbuhan keuntungan bagi suku pertama berbanding suku tahun yang sama tahun sebelumnya dipacu oleh langkah-langkah penghematan dan proaktif yang diambil Syarikat untuk menampung kos operasi dan melindungi margin semasa menghadapi pandemik COVID-19.

Berasaskan prestasi kukuh ini, Syarikat mengisytiharkan dividen interim kedua 0.25 sen sesaham, dengan jumlah bayaran agregat RM11.3 juta, yang akan dibayar kepada pemegang saham KPJ Healthcare pada 29 Julai 2022.

“Mencerminkan perkara ini, Lembaga Pengarah telah mengisytiharkan dividen interim sebagai penghargaan atas sokongan berterusan dan kepercayaan para pemegang saham kami. Kami terus komited untuk meningkatkan nilai bagi pemegang saham kami melalui pulangan yang konsisten,” kata Dato Mohd Shukrie Mohd Salleh, Presiden dan Pengarah Urusan KPJ Healthcare Berhad.

Dato’ Mohd Shukrie turut menambah, “Keputusan suku pertama kami pemulihan berterusan ekonomi Malaysia sambil kita beralih kepada fasa endemik. Kami yakin prospek akan bertambah baik seiring negara beransur menyesuaikan diri dengan COVID-19, di samping pembukaan semula sempadan antarabangsa dan jangkaan pemulihan industri pelancongan perubatan. Pada suku tahun yang dilaporkan, kami telah meningkatkan hasil terutamanya berbekalkan prestasi operasi lebih baik daripada kunjungan lebih ramai pesakit.”

“Dalam pada itu, kami memberi tumpuan untuk memacu pertumbuhan yang berdaya tahan dengan mengambil peluang untuk perniagaan sampingan kami melalui bidang-bidang penting seperti lanjutan, perubatan jitu, genomik dan penjagaan ambulatori. Untuk mempertingkatkan keuntungan, kami sedang melaksanakan strategi transformatif untuk memendekkan tempoh pembangunan hospital baharu dan melupuskan barisan perniagaan yang tidak menguntungkan. Seiring usaha kami mengukuhkan daya tahan operasi kami yang disokong oleh pecutan transformasi digital dan pelaksanaan teknologi kami, kami yakin KPJ akan terus melangkah ke hadapan berlandaskan hala tuju strategik kami dan membuka peluang penciptaan nilai kepada para pemegang saham,” ujar Dato’ Mohd Shukrie.

Tinjauan TK2022

Memandangkan Malaysia sudah memulakan peralihan kepada fasa endemik yang turut melibatkan pembukaan semula sempadan antarabangsa, ekonomi Malaysia dijangka semakin kukuh. Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dijangka berkembang sebanyak 5.3% kepada 6.3% tahun ini, berbanding 3.1% yang dicatatkan pada 2021.¹

KPJ Healthcare mengunjurkan pertumbuhan permintaan yang berterusan bagi khidmat penjagaan kesihatan, berasaskan tahap kesedaran lebih tinggi terhadap penjagaan kesihatan

¹ Bank Negara Malaysia, Kajian Ekonomi dan Monetari 2021

dan juga peralihan lebih banyak negara kepada fasa endemik. Peningkatan dalam bilangan prosedur perubatan elektif dan pemulihan sektor pelancongan perubatan juga dijangkakan pada tahun semasa.

Pada TK2022, Syarikat memberi tumpuan terhadap usaha meningkatkan kecekapan dan memulihkan hospital dan pelaburan dengan melaksanakan pelan transformasi dan strategi mengoptimumkan kos.

Sejajar dengan matlamat mengutamakan penjagaan pesakit dengan memanfaatkan kecanggihan teknologi digital bagi menyediakan khidmat penjagaan kesihatan yang berkualiti dan termampu, Syarikat juga meneroka pelaburan berdaya maju untuk meluaskan keupayaan dalam penjagaan pencegahan penyakit dan kesejahteraan insan demi menyokong perkhidmatannya yang sedia ada.

-tamat-

Mengenai KPJ Healthcare Berhad

KPJ Healthcare mengendalikan 28 hospital di Malaysia yang terletak di seluruh negara dan juga 2 hospital di Indonesia, 1 di Bangladesh dan 1 di Thailand. KPJ juga mempunyai 4 Pusat Penjagaan Ambulatori yang terletak di Kuala Lumpur, Pahang, Perak dan Selangor. Dengan sokongan 1,410 pakar perubatan di bawah perkhidmatannya, KPJ Healthcare merawat lebih daripada 2.9 juta pesakit setiap tahun. Sebanyak 19 hospital KPJ telah mendapat akreditasi Persatuan Kualiti Kesihatan Malaysia (MSQH) manakala 4 menerima akreditasi Suruhanjaya Bersama Antarabangsa (JCI).

Pada 2022, terdapat 17 Klinik Waqaf An-Nur (KWAN) dan tujuh klinik bergerak di seluruh Malaysia. Lapan daripada Klinik KWAN kami mempunyai akreditasi MSQH, yang memastikan kami menyediakan khidmat penjagaan kesihatan yang berkualiti kepada masyarakat.

KPJ Healthcare juga mengendalikan beberapa pusat penjagaan warga emas dan bantuan hidup di Kuala Lumpur, Sibul, Kuantan dan Kota Kinabalu, yang menyediakan kemudahan penjagaan jangka pendek dan juga jangka panjang. Rangkaian perkhidmatan yang ditawarkan termasuk penjagaan untuk penghuni warga emas, perkhidmatan rehabilitasi dan penjagaan selepas bersalin.

Dalam bidang pendidikan, KPJ Healthcare University College (KPJUC) yang terletak di Negeri Sembilan menawarkan lebih daripada 38 program pengajian, daripada peringkat Asasi kepada PhD. Usaha tersebut menyokong strategi perkembangan rangkaian hospital KPJ dengan menyediakan kumpulan bakat yang berpengalaman dan terlatih.

KPJ Healthcare adalah sebahagian daripada Indeks Bursa Malaysia FTSE4Good sejak 2016.



FTSE4Good

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Muhammad Ali, Eksekutif Korporat Kanan, Perancangan dan Perhubungan Pelabur, KPJ Healthcare Berhad di muhammad.ali@kpjhealth.com.my